



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## MENTERI KERJA RAYA MELAWAT PENGUJIAN SISTEM KUTIPAN TOL SECARA PEMBAYARAN TERBUKA DI PLAZA TOL PUTRAJAYA, LEBUHRAYA MEX

**PUTRAJAYA, 2 OGOS 2023** - Selaras dengan inisiatif Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk melaksanakan Sistem Pembayaran Tol Terbuka (SPT) di 12 lebuhraya terpilih secara berperingkat bermula September 2023, YB Menteri Kerja Raya, Dato Sri Alexander Nanta Linggi hari ini mengadakan lawatan bagi memantau pengujian sistem tersebut di Plaza Tol Putrajaya, Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya (MEX).

Maju Expressway Sdn Bhd (MESB), syarikat konsesi Lebuhraya MEX, merupakan antara 12 lebuhraya terawal yang akan melaksanakan Sistem Pembayaran Tol Terbuka, yang mana pengujian sistem telah bermula pada Julai 2023 bagi memastikan kesediaan dan kelancaran pelaksanaan operasi selaras dengan piawaian yang telah ditetapkan oleh LLM.

Menteri Kerja Raya dalam lawatan hari ini turut melancarkan logo Sistem Pembayaran Tol Terbuka yang akan digunakan pada papan tanda di lorong tol. Beliau juga telah membuat pengujian sendiri terhadap operasi sistem berkenaan di Plaza Tol Putrajaya, Lebuhraya MEX. Lawatan ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha, KKR, YBhg. Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KKR, Ir. Sazali Harun, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan En. Mohd Faiq bin Tan Sri Abu Sahid, Pengarah Urusan MESB serta pegawai kanan KKR, LLM dan MEX.

Berdasarkan lawatan hari ini, beliau berkata, "Sistem Pembayaran Tol Terbuka akan membolehkan pengguna lebuhraya membayar tol menggunakan kad debit atau kad kredit, sekaligus memberikan alternatif baharu dan kemudahan kepada pengguna dalam proses pembayaran tol, selain dari kaedah sedia ada seperti Touch 'n Go, SmartTag dan Identifikasi Frekuensi Radio (RFID)."

Menurut Menteri Kerja Raya lagi, "Pihak KKR sentiasa dimaklumkan dari semasa ke semasa mengenai tahap kesediaan dan perkembangan pengujian yang kini sedang dijalankan secara berperingkat oleh LLM bersama-sama syarikat konsesi lebuhraya. Pelaksanaan Sistem Pembayaran Tol Terbuka harus dijalankan secara teliti dan terperinci dengan mengambilkira pelbagai proses libat urus seperti aspek teknikal, keselamatan, perundangan dan pengendalian rekod transaksi tol itu sendiri bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pengguna lebuhraya sentiasa diutamakan. Selain itu, pihak KKR, LLM dan juga syarikat-syarikat konsesi yang berkaitan turut menyediakan pelbagai strategi komunikasi bagi memastikan informasi pelaksanaan

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR\_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

Sistem Kutipan Tol Secara Pembayaran Terbuka ini dapat disampaikan kepada pengguna lebuhraya.”

Justeru, KKR ingin menasihatkan pengguna lebuhraya supaya memastikan perkara-perkara berikut:

- Pengguna dikehendaki memastikan baki kad debit/kad kredit mencukupi sebelum digunakan untuk pembayaran tol;
- Sekiranya transaksi menggunakan kad bank gagal, pengguna boleh menggunakan kad bank lain ataupun kad TnG
- Menyentuh kad pada tempat yang ditetapkan pada terminal SPT bagi memastikan kelancaran pembayaran tol secara SPT.

LLM juga telah meminta semua Syarikat Konsesi yang terlibat dengan inisiatif ini untuk menempatkan petugas di lorong tol untuk memberi panduan kepada pengguna sekiranya perlu.

Untuk makluman, Lebuhraya MEX akan menyediakan kaedah sistem pembayaran terbuka di kesemua 25 lorong Touch n' Go di ketiga-tiga plaza tol sedia ada, iaitu Plaza Tol Salak Selatan, Plaza Tol Putrajaya dan Plaza Tol Seri Kembangan.

Kerajaan berharap pelaksanaan Sistem Kutipan Tol Secara Pembayaran Terbuka ini dapat memberi kemudahan kepada pengguna lebuhraya dengan menyediakan alternatif baharu pembayaran tol di samping membantu melancarkan operasi kutipan tol.

Sebagai makluman tambahan, sistem kutipan tol secara pembayaran terbuka ini juga telah dilaksanakan di negara Asia yang lain seperti di Indonesia, Thailand dan Filipina.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**2 OGOS 2023**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR\_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur